

11 FEB 1999

Mahathir-Ucapan

UCAPAN DR MAHATHIR MENGENAI KAPITALISME BARU DAN DUNIA UNIPOLAR

MONTEGO BAY, Jamaica, 11 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menambat hati para perwakilan dan hadirin pada perasmian sidang kemuncak G-15 berhubung pandangannya dan punca-punca masalah ekonomi dan kewangan yang melanda dunia sekarang.

"Beliau sangat hebat," merupakan komen daripada para perwakilan dan pegawai, selain wartawan yang berebut-rebut untuk mendapatkan teks ucapannya.

Dr Mahathir berucap sebagai wakil bagi 17 negara anggota dari Asia.

"Saya belum pernah mendengar beliau berucap tetapi sekarang saya tahu kenapa ramai orang memberi perhatian kepadanya," kata seorang anggota dewan perniagaan Jamaica.

Seorang pegawai perhubungan delegasi Peru berkata beliau sangat kagum kerana "beliau (Dr Mahathir) berani untuk mengutarakan pendapatnya."

Ramai wartawan yang membuat liputan mengenai sidang kemuncak tiga hari itu yang bermula Rabu juga memohon untuk menemuramah Dr Mahathir.

Wartawan Agensi Berita Caribbean yang beribu pejabat di Kingston, Garfield Myers berkata, beliau mengagumi Dr Mahathir kerana keberaniannya mengutarakan kebenaran.

Pengarah Editor Agensi Berita Timur Tengah di Kaherah, Puan Layla Mohamed Abdel-Gawad memuji Dr Mahathir kerana "beliau berkata benar".

Layla, yang menceburi bidang kewartawanan selama 36 tahun, berkata beliau mendengar Dr Mahathir berucap buat kali pertama semasa sidang kemuncak khas G-15 di Kaherah pada Mei tahun lepas.

Girish Nikam, penulis khas bagi Newstime of India, berkata Dr Mahathir sudah tentunya merupakan pemberi ucapan yang terbaik pada hari ini.

Katanya kenyataan Dr Mahathir mengenai komunisme dan kapitalisme baru akan diberikan liputan yang meluas oleh media India.

Bagi kebanyakan wartawan yang ditemui penulis ini, ucapan Dr Mahathir merupakan berita utama mereka.

-- BERNAMA

KGO AKD